

GLC, GLIC perlu bantu ekosistem PMKS

Disaran berperanan iaitu memberi impak dalam pembangunan sosioekonomi negara

KUALA LUMPUR

Kerajaan mahu melihat keberhasilan bukan sahaja dari segi prestasi kewangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), tetapi dari segi impak positif berterusan kepada ekosistem perniagaan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan se-derhana (PMKS).

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, manfaat pertumbuhan ekonomi perlu diagharkan secara saksama bagi memastikan pembangunan yang mampu dan inklusif untuk

seluruh Keluarga Malaysia.

“Walaupun kita pernah melaksanakan Program Prestasi Tinggi GLC pada tahun 2004 - 2014, yang merangkumi antara lainnya, penjelasan mandat GLC dalam konteks pembangunan negara dan meningkatkan tadbir urus korporat, mereka perlu sentiasa tangkas, terutamanya dari segi penambahbaikan yang berterusan dan pengukuhan peranan GLC/GLIC agar kekal berdaya saing.

“Ini penting dalam konteks norma baharu pasca Covid-19 serta landskap perniagaan global yang sentiasa berubah bagi memastikan GLC/GLIC boleh memberikan impak yang optimum dalam pembangunan sosio-ekonomi negara,” katanya dalam satu wawancara sempena Hari Terbuka GLC 2022.

Hari Terbuka GLC 2022 yang



ISMAL SABRI

berlangsung pada 11 hingga 13 Mac, 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menyaksikan penyertaan 25 buah GLC/GLIC.

Sehingga kini, GLC menguasai kira-kira RM445 bilion dalam permodalan

pasaran atau sekitar

25 peratus dalam permodalan pasaran Bursa Malaysia.

Ismail Sabri seterusnya berkata, program penyusunan semula fungsi dan peranan GLC dan GLIC yang semakin giat diusahakan sejak September 2021 dapat memangkin perubahan melalui pembinaan semula ekonomi negara secara berperingkat.

Beliau menambah inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan semula peranan serta memperbaharui keupayaan GLC dan GLIC di Malaysia, terutamanya di dalam landskap pengoperasian yang telah berubah dengan cepat susulan pandemik Covid-19.

“Inisiatif ini antara lainnya, menyasarkan penyusunan semula entiti di dalam ekosistem GLC/GLIC bagi mengoptimalkan sumber fiskal kerajaan, menambah baik sistem tadbir urus, meningkatkan hasil sasar, menjana pertumbuhan baharu melalui sektor-sektor strategik dan memangkin pelaburan di dalam industri kelestarian.

“Satu keperluan yang semakin mendesak akibat impak Covid-19 ialah penyusunan semula sistem keselamatan sosial,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri menegaskan kerajaan mahu menyelaras dan kerjasama yang berterusan melalui platform Rangkaian Tindak Balas Bencana GLC/GLIC yang kini dikenali sebagai GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN).

“Memandang ke hadapan, saya fikir GDRN boleh menjadi sebuah rangkaian yang bukan sahaja bersifat responsif, tetapi juga menjadi lebih proaktif da-

lam menyediakan bantuan kepada Keluarga Malaysia yang memerlukan.

“Dari segi keberhasilan, ini semua akan mengurangkan perintidhan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh GLC/GLIC secara persendirian dan meningkatkan kecekapan dalam menggunakan pakai peruntukan sumber,” katanya.

Tambah beliau, apabila ada sebuah platform yang menyelaraskan usaha ini, kerajaan juga boleh mengumpul data untuk memastikan tiada Keluarga Malaysia yang tercincir atau tertinggal dari segi menerima bantuan dan membina kehidupan yang lebih baik seperti di gariskan dalam agenda kerajaan.

“Secara tidak langsung, ini juga akan mewujudkan ketelusan untuk program-program yang dijalankan oleh GLC/GLIC, di samping memastikan keberkesaan dalam hasil usaha impak kepada sosial dan ekonomi negara,” jelasnya. - Bernama

Nilai dagangan negara naik kepada RM203.0 bilion, Januari 2022

KUALA LUMPUR - Jumlah dagangan Malaysia pada Januari 2022 meningkat 24.8 peratus tahun ke tahun kepada RM203.0 bilion dengan eksport mencatatkan peningkatan 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion dan import naik 26.4 peratus kepada RM92.3 bilion.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) berjumlah RM44.8 bilion (40.4 peratus daripada jumlah eksport) pada Januari 2022.

“Di peringkat negeri, Pulau

Pinang mencatatkan eksport tertinggi produk E&E bernilai RM26.2 bilion (58.5 peratus), diikuti Selangor yang bernilai RM6.0 bilion (13.3 peratus) dan Johor sebanyak RM4.8 bilion (10.7 peratus),” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

“Bagaimanapun, eksport menyut di Perak (RM610.2 juta), Melaka (RM197.9 juta) dan Negeri Sembilan (RM68.9 juta),” kata Mohd Uzir.

Data import meningkat RM19.3 bilion pada Januari 2022 berbanding bulan sama tahun sebelumnya. - Bernama



Eksport terbesar ialah produk elektrik dan elektronik (E&E) berjumlah RM44.8 bilion (40.4 peratus daripada jumlah eksport) pada Januari 2022

Datang Klang, Pasti Girang tawar pulangan menarik

KLANG - Pusat Borong GM Klang melancarkan kempen *Datang Klang, Pasti Girang* sebagai satu langkah proaktif dan inisiatif ke arah merancakkan semula industri pelancongan Malaysia.

Kempen bermula 1 Mac hingga 30 April itu bagi merancakkan lagi industri pelancongan khususnya di Selangor dan Bandar Klang selepas sektor tersebut terjejas teruk akibat pandemik.

Kempen kolaborasi bersama Touch 'n Go dengan sokongan Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Klang itu menawarkan pulangan menarik kepada pelancong di Selangor.

Pengurus Bahagian Komunikasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, GM Klang dan Touch 'n Go menawarkan 'Kegirangan Berganda' sepanjang tempoh kempen tersebut berlangsung.

“Kegirangan pertama berupa 'cashback' bernilai RM10 apabila pengunjung membuat pembelian lebih dari RM100

DATANG KLANG PASTI GIRANG
TEBUS KEGIRANGAN BERGANDA ANDA DI GM KLANG
1 MAC - 30 APRIL 2022

1 PULANGAN TUNAI RM10

Dapatkan juga kad Touch 'n Go dan patung LOL secara percuma* di Counter Khidmat Pelancongan apabila anda menggunakan Touch 'n Go eWallet

2 BAUCAR RM10

Belanja di mana-mana kedai yang mengambil bahagian sebanyak RM100 dan ke atas dengan menggunakan aplikasi Touch 'n Go eWallet & dapatkan pulangan tunai RM10*

*penawaran adalah terhad | **rujuk lampiran Tertakluk pada terma & syarat

Dapatkan Baucar RM10* di Counter Khidmat Pelancongan dengan syarat menunjukkan salah satu resit di bawah:

1. Mana-mana resit hotel di Selangor (penginapan mestilah dalam tempoh kempen & penebusan hanya boleh dilakukan selepas penginapan)
2. Mana-mana resit tempat pelancongan terpilih* di Selangor yang bernilai RM100 dan ke atas (tarikh lawatan mestilah dalam tempoh kempen & penebusan hanya boleh dilakukan selepas lawatan)

Kolaborasi Bersama: **Touch 'n Go eWallet**

Disokong Oleh: **SELANGOR**

menggunakan aplikasi Touch 'n Go e-wallet di mana-mana kedai GM Klang yang mengambil bahagian.

“Kedua, pengunjung boleh mendapatkan baucar makanan dan minuman GM Klang ber-

nilai RM10 sekiranya mereka telah menginap di hotel atau melancong tempat-tempat pelancongan terpilih sekitar Selangor dan Bandar Klang,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.